Media : Kosmo

Date : 12 December 2023

# Ajinamoto Gyoza, ladu Jepun dengan sijil halal

Oleh MUHAMMAD IKHWAN IDRIS 12 Disember 2023, 11:50 am








Ajinamoto Gyoza sesuai digoreng menggunakan minyak yang sedikit.

PETALING JAYA – Ajinomoto (M) Berhad (AMB), nama yang dipercayai dalam dunia kulinari baru-baru ini memperkenalkan Ajinomoto Gyoza, iaitu ladu Jepun dengan kombinasi sempurna daging ayam dan sayur-sayuran, dibaluti kulit nipis yang rangup setelah digoreng.

AMB dalam satu kenyataan berkata, selain memberikan rasa gyoza Jepun yang autentik, produk tersebut turut menerima pensijilan halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, yang mengukuhkan lagi kedudukan AMB sebagai syarikat makanan halal yang dipercayai.